

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN FONG KUI LUN
(BUKIT BINTANG)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan aduan yang diterima, tindakan penguatkuasaan berkaitan GST dan apakah pertimbangan Kerajaan untuk mengecualikan GST ke atas perniagaan kedai runcit dan bahan makanan utama.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, para peniaga wajib mematuhi undang-undang dan peraturan GST. Bagi tempoh 1 April 2015 hingga 31 Mei 2015, sebanyak 5,409 aduan berkaitan isu GST telah diterima oleh JKDM sejak GST dilaksanakan meliputi antara lain kenaikan harga barang,

pengeluaran invois yang tidak menepati kriteria yang ditetapkan, kesalahan klasifikasi barang dan pengesahan layanan GST ke atas pembekalan. JKDM melalui Jabatan Peguam Negara telah membuka 13 kertas siasatan di mana 2 dalam proses pendakwaan di bawah seksyen 33(2)(b) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dan 11 lagi dalam proses siasatan. JKDM melaksanakan operasi secara berterusan bagi mengesan kesalahan yang dilakukan oleh peniaga supaya peniaga membuat semua dokumentasi dan rekod berhubung transaksi perniagaan termasuklah resit pembelian dan penjualan dengan tepat untuk mengelakkan sebarang kesilapan dan kes penipuan terhadap pengguna. Bagi tempoh 1 Mei hingga 31 Mei 2015, KPDNKK telah mencatatkan sebanyak 1,317 aduan sahaja mengenai GST, manakala tempoh yang sama bagi bulan April pula telah mencatatkan lebih banyak aduan iaitu 8,243. Sehingga 31 Mei 2015, sebanyak 52 kertas siasatan telah dihasilkan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011. Daripada jumlah tersebut, kes yang telah dituduh di mahkamah di bawah AKHAP 2011 sehingga 31 Mei 2015 adalah seperti berikut:

- i. 5 kes telah selesai di Mahkamah iaitu 2 kes di Melaka, 1 kes di Negeri

- Sembilan, 1 kes di Kelantan dan 1 kes di Kuala Lumpur;
- ii. kes yang telah dituduh dan masih belum selesai adalah sebanyak 4 kes iaitu 2 kes di Selangor, 1 kes di Pulau Pinang dan 1 kes di Johor; dan
 - iii. 3 kes telah ditawarkan kompaun.

Mana-mana orang yang menjalankan perniagaan perlu berdaftar dibawah GST sekiranya nilai jualan tahunan melebihi threshold yang ditetapkan iaitu RM500,000 setahun. Sekiranya perniagaan tersebut layak untuk mendaftar tetapi tidak berdaftar, ia telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 96 Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dan jika disabitkan kesalahan, denda sebanyak tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya boleh dikenakan.

Bagi peniaga yang berdaftar, mereka dapat menuntut semula kredit cukai input yang ditanggung oleh mereka. Ini bermaksud semua GST yang dibayar oleh peniaga seperti perolehan mesin, bahan pembungkusan, utiliti dan lain-lain input yang dikenakan GST boleh dituntut semula oleh peniaga dan tidak akan menjadi kos kepada perniagaan.

Sistem GST yang dilaksanakan di Malaysia tidak membebankan golongan berpendapatan rendah dan miskin kerana sebahagian besar perbelanjaan

golongan ini ke atas barang dan perkhidmatan asas telahpun diberikan kadar sifar atau dikecualikan. Ini bermaksud barang dan perkhidmatan asas seperti beras, gula, tepung, sayuran, daging, ayam, telur ayam dan ikan, bekalan air dan elektrik, perkhidmatan pengangkutan awam, pendidikan dan kesihatan, pembelian dan penyewaan rumah kediaman tidak dikenakan GST. Lanjutan daripada pelbagai maklum balas yang diberikan, Kerajaan telah meluaskan skop barang dan perkhidmatan yang tidak dikenakan GST. Antara penambahannya adalah:

- Semua jenis buah-buahan tempatan dan diimport;
- Roti putih dan roti wholemeal;
- Serbuk kopi, serbuk teh dan serbuk koko;
- Mi kuning, kue tiau, laksa dan bihun;
- Susu formula bayi bagi kategori umur 0 hingga 36 bulan meliputi semua jenis perisa;
- Ubat-ubatan Penting Nasional diperluaskan daripada 2,900 jenama kepada 4,215 jenama ubat yang meliputi semua kekuatan dan bentuk dosej bagi 320 entiti kimia;
- Buku teks, buku rujukan, kamus, buku latihan kitab agama, suratkhobar, buku bergambar, buku lukisan dan buku mewarna kanak-kanak

diperluaskan kepada semua bahan bacaan kecuali majalah dan buku yang bukan bahan bacaan; dan

- Surat khabar.